

Ulang alik dari Kuala Selangor ke UPM demi jaga ibu dan kakak yang terlantar

Oleh: Syasya Nur Sabiha Shahrudin



SERDANG, 1 Dis – Penat lelah menjaga ibu dan kakak yang terlantar di rumah sambil menyambung belajar akhirnya dibalas dengan segulung ijazah yang bermakna buat Nur Aisah Jamuri, 24, graduan Bacelor Pengurusan Alam Sekitar dengan Kepujian, Fakulti Pengajian Alam Sekitar, Universiti Putra Malaysia (UPM)

Aisah, yang merupakan anak bongsu daripada empat orang adik beradik, ditugaskan untuk menguruskan makan, minum serta kebersihan ibunya yang sakit saraf dan kakaknya yang berstatus Orang Kurang Upaya (OKU).

"Pada mulanya, saya amat berat hati untuk meninggalkan ibu dan kakak di rumah untuk sambung belajar. Tapi saya terima juga tawaran ini kerana tidak semua orang berpeluang untuk sambung belajar di UPM," katanya

Beliau yang tinggal di Kuala Selangor bersama kakak dan ibunya menzahirkan rasa syukur kerana pada waktu itu pihak universiti memberi kelonggaran untuk belajar dalam talian sewaktu pandemik COVID-19 dan beliau boleh menjaga ibu dan kakak.

"Biarpun susah untuk mendapat capaian internet di rumah, sekurang-kurangnya, saya boleh menjaga ibu dan kakak sambil mendengar pensyarah mengajar atau sambil menyiapkan tugas," katanya

Namun beliau terpaksa ulang alik dari UPM ke Kuala Selangor demi menguruskan ibu dan kakaknya di rumah apabila para pelajar perlu kembali ke kampus.



Bersyukurlah juga kampung di Kuala Selangor sahaja, kalau saya dipanggil untuk hadir ke kelas bersemuka, saya akan balik ke kampus, selagi itu, saya akan duduk di rumah.

"Penat tidak pernah menjadi penghalang untuk saya menunaikan tanggungjawab sebagai seorang anak, adik, dan pelajar.

“Saya kerja, belajar dan bertanggungjawab menjaga ibu dan kakak. Penat itu memang ada, tetapi kita harus positif. Cuba bersyukur dengan apa yang kita ada dan harungi sahaja cabaran yang diberi.”